

RANCANGAN PERNIAGAAN

ASAS KEUSAHAWANAN

ETR 300

SASSA ENTERPRISE

SASSA ENTERPRISE

Disediakan Oleh:-

Siti Rokiah Daud	97112240
Azna Mohamad	97205848
Saidatun Atifah Said	97242480
Syazilin Suhaimi	97194730
Azlina Amir	97214805

Tarikh Penyerahan: 15 Oktober 1999

ISI KANDUNGAN

SURAT PENYERAHAN	1-2
PENGHARGAAN	3-4
MUKADIMAH	5
PENGENALAN	6
LOGO	7
KETERANGAN LOGO	8
SINOPSIS	9
TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN	10
LATAR BELAKANG PROJEK CADANGAN	11
LATAR BELAKANG PERNIAGAAN	12
LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI	13-17
SURAT PERMOHONAN PINJAMAN	18
SURAT IKATAN PERJANJIAN	19-21
RANCANGAN PENTADBIRAN	22-37
RANCANGAN PEMASARAN	38-56
RANCANGAN OPERASI	57-75
RANCANGAN KEWANGAN	76-105
RUMUSAN	106
LAMPIRAN	107

PENGENALAN

SASSA Enterprise ialah sebuah perniagaan perkongsian yang terdiri daripada lima orang ahli. Perkongsian kami menghasilkan produk dengan menggunakan bahan mentah utama iaitu koil. Jenis produk yang dihasilkan ialah kualiti yang diberi nama "Plushy Pan".

SASSA Enterprise akan mula beroperasi pada 1 Januari 2005 dan bertempat di Lot 149, Kompleks Alor Setar, Lebuhraya Darul Aman, 05100 Alor Setar, Kedah.

Memandangkan pembuatan peralatan dapur terutamanya kualiti kurang di Malaysia kerana kebanyakannya adalah barangan import, maka kami mengambil kesempatan yang ada ini untuk memproses dan memasarkannya di Malaysia.

Dengan itu, kami ingin menjadikan SASSA Enterprise sebagai sebuah perniagaan yang menghasilkan produk yang berkualiti dan mampu memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan.

SINOPSIS

SASSA Enterprise ini ditubuhkan atas usahasama lima orang ahli yang mana masing-masing memainkan peranan penting. Bagi menjalankan perniagaan ini, setiap ahli telah menyumbangkan modal sebanyak RM11927.

Perniagaan kami menawarkan produk kualiti yang diberi nama "Plushy Pan". Bentuk perniagaan ini dipilih kerana ia kurang terdapat di Malaysia. Kebanyakannya adalah diimport dari luar negara. Dengan itu, kami mengambil inisiatif untuk memproses dan memasarkannya di Malaysia.

Perniagaan kami yang bertempat di Kompleks Alor Setar adalah lokasi yang strategik memandangkan pembangunan yang pesat yang dijalankan oleh kerajaan Kedah.

Kami memilih jenis perniagaan ini kerana terdapat hanya segelintir sahaja usahawan bumiputera yang meminati dan menceburinya. Dengan ini, kami berharap agar lapangan yang kami ceburi ini berpotensi untuk maju di masa hadapan.

TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Rancangan perniagaan disediakan untuk melengkapkan kerja kursus ETR 300 yang ditugaskan kepada para pelajar Universiti Teknologi Mara Bahagian 05 selain daripada itu:

Rancangan Perniagaan ini juga disediakan sebagai kegunaan kami sendiri bagi memudahkan pihak kami merancang dan menyusun dengan teratur serta lengkap akan segala kegiatan dan keperluan yang dikehendaki oleh perniagaan kami ini. Dengan adanya Rancangan Perniagaan yang lengkap dan teratur, pihak kami dapat melaksanakan dan memastikan operasi kegiatan kami berjalan dengan lancar.

Rancangan Perniagaan ini juga digunakan sebagai garis panduan untuk mengurus perniagaan kami. Dari semasa ke semasa ianya akan dikaji dan diteliti perkembangan perniagaan untuk memastikan ianya diurus seperti yang telah dirancang.

Kami dapat mengesan akan kelemahan dan kesilapan kami melalui Rancangan Perniagaan ini agar dapat diambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah yang akan dihadapi.

Umumnya Rancangan Perniagaan ini dapat memberi gambaran secara menyeluruh bukan sahaja kepada pihak Institusi Kewangan malah juga kepada perkongsian itu sendiri dalam merangka strategi yang paling berkesan.